

**KAJIAN ISU DAN MASALAH KAWASAN REKREASI KOLAM  
AIR PANAS DI SELAYANG, SELANGOR**

**Oleh**

**SALFARINA BINTI SALLEH**

**Jabatan Perancangan Bandar Dan Wilayah  
Fakulti Senibina, Perancangan Dan Ukur  
Universiti Teknologi MARA  
Shah Alam**

**April 2001**

## PENGHARGAAN

Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirahim* sebagai pembuka kata dan alhamdulillah bersyukur kepada kehadiran Ilahi dengan limpahnya kurniannya, kajian ini dapat dihasilkan. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya iaitu En. Ahmad Fuzi b. Arshad yang banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat serta teguran membina yang banyak memberi perangsang kepada saya untuk membuat kajian akhir ini. Ribuan terima kasih kepada koordinator kajian akhir, En. Hanafi Ismail dan semua pensyarah yang telah banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar sepanjang berada di UiTM.

Terima kasih juga kepada pihak-pihak yang banyak membantu saya dalam mendapatkan maklumat mengenai kajian yang telah dijalankan iaitu pihak Majlis Perbandaran Selayang (MPS) terutama kepada En. Sheikh M. Fuad selaku juruteknik yang banyak membantu serta semua kakitangan Jabatan Perancang Bandar, MPS. Tidak lupa juga kepada pihak yang terlibat di bahagian tanah di Pejabat Tanah Daerah Gombak, serta kepada pemaju iaitu kakitangan Tenaga Perancang yang terlibat secara langsung atau tidak dalam membantu saya mendapatkan maklumat bagi memenuhi kehendak kajian ini. Tidak ketinggalan juga, kepada rakan-rakan seperjuangan serta ahli keluarga yang banyak memberi semangat dan dorongan yang tidak ternilai.

Sekian. Terima Kasih.

## ABSTRAK

Bagi memberikan kesan yang sempurna di dalam menyediakan sesebuah kawasan rekreasi, maka perancangan yang dikakukan haruslah bertepatan dan menggunakan pelbagai pendekatan dan kaedah yang sesuai dan bertepatan. Ia bagi mewujudkan sebuah kawasan rekreasi yang mampu memberikan keselesaan serta nilai-nilai kemasyarakatan dan sosial yang positif bagi kawasan kajian ini. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti segala isu dan masalah yang berlaku ke atas kawasan rekreasi kolam air panas ini dari pelbagai aspek termasuklah dari aspek fizikal, kunjungan serta aspek penyelenggaraan dan pengurusannya. Di dalam aspek-aspek ini, ia merangkumi kepada masalah penyediaan kemudahan awam, kemudahsampaian serta kebersihan dan pengurusan kawasan tersebut. Penemuan-penemuan isu dan masalah ini diperolehi daripada kajian yang dikakukan secara terperinci ke atas pengunjung, penduduk sekitar dan pihak berkuasa tempatan serta pihak pemaju bagi kawasan kajian tersebut. Setelah keputusan dan penemuan diperolehi daripada analisis yang telah dijalankan ini, beberapa cadangan telah dikemukakan berdasarkan kepada teori-teori yang berkaitan. Antara cadangan-cadangan yang telah dikemukakan ini ialah, penyediaan kemudahan awam dan kemudahsampaian untuk ke kawasan kajian. Di dalam penyediaan kemudahan awam ini adalah seperti tempat letak kereta, taman permainan, surau, tandas, tempat berteduh dan kemudahan-kemudahan lain yang mengambil kira keindahan lanskap serta pengekaln keindahan alam semulajadi. Bagi memastikan kawasan ini menjadi suatu kawasan rekreasi yang menarik dan berkesan dari segi fungsinya, maka penyelenggaraan dan pengurusan kawasan tersebut perlulah dilakukan dari masa ke semasa oleh mana-mana pihak yang terlibat. Dengan berdasarkan kepada cadangan-cadangan yang dikemukakan ini, diharapkan agar segala isu dan masalah yang berkaitan penyediaan kawasan rekreasi kolam air panas ini akan dapat diatasi.

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Isi kandungan	iii
Senarai Jadual	x
Senarai Rajah	xii
Senarai Foto	xv

<b>KANDUNGAN</b>	<b>MS</b>
------------------	-----------

<b>BAB 1</b>	<b>PENGENALAN</b>
--------------	-------------------

1.0	Pengenalan	1
1.1	Kenyataan Masalah	2
1.2	Tujuan Kajian	4
1.3	Objektif Kajian	4
1.4	Skop Kajian	5
	1.4.1 Fizikal	5
	1.4.2 Pengunjung	5
	1.4.3 Penduduk Sekitar	6
1.5	Peringkat Kajian	6
1.6	Carta Alir Kerja	10

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.0 Pengenalan**

Kemudahan rekreasi merupakan salah satu faktor yang dapat memperbaiki kehidupan masyarakat dan menjadi sebahagian daripada tanggungjawab agensi-agensi kerajaan khasnya dan agensi-agensi swasta amnya untuk menyediakan kemudahan dan keperluan masyarakat.

Di sini, dapat diterangkan secara khusus pemahaman kepada beberapa aspek yang berhubungkait dengan sektor rekreasi. Di antara bahagian yang diambil kira adalah pengertian atau definisi bagi rekreasi itu sendiri, hierarki kawasan rekreasi, perancangan bagi mewujudkan kawasan rekreasi, model asas perancangannya dan juga kemudahan-kemudahan yang perlu ada di dalam setiap kawasan rekreasi.

Setiap perancangan yang dilaksanakan seharusnya mementingkan dan memberi penekanan kepada kehendak pengunjung. Selain daripada itu, ciri-ciri fizikal merupakan faktor penting yang diambil kira dalam perancangan rekreasi terutama di kawasan rekreasi yang mempunyai unsur-unsur estetik, semulajadi dan sebagainya. Ciri fizikal ini juga adalah sebagai aset penting untuk menentukan bilangan pengunjung. Melalui data-data fizikal secara langsung dapat mengenalpasti tahap